

20/09/1997

Sektor swasta ditegur

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan menyelar sikap sesetengah sektor swasta yang keberatan menjayakan ekspo pelancongan domestik, walaupun mereka terbabit secara langsung dalam industri itu.

Sambil menyifatkan mereka membelakangkan peluang disediakan pihak penganjur tanpa alasan kukuh, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata tindakan itu tidak wajar dan amat dikesali.

Menurutnya, kerajaan serius dalam usaha memajukan pelancongan domestik dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri begitu prihatin terhadap industri itu serta sentiasa bertindak sebagai pemangkin dalam memastikan pembangunannya berterusan.

"Oleh itu, semua pihak, terutama swasta seharusnya lebih bertanggungjawab dan amanah demi kepentingan industri pelancongan negara, terutama untuk jangka panjang," katanya ketika merasmikan Ekspo Pelancongan Domestik 1997, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Datuk Dr Arshad Hashim.

Sabbaruddin berkata, hasil daripada penganjuran acara itu bukan sahaja akan diraih kementeriannya, malah turut dirasai semua pihak, terutama peserta dan orang ramai.

Sehubungan itu, beliau memuji sambutan kerajaan negeri yang disifatkan sebagai menggalakkan walaupun tidak semua negeri mengambil gerai pameran untuk mempamer serta mengetengahkan produk pelancongan dan hasil kraftangan masing-masing.

(END)